

Pendedaahan *realiti* profesion perguruan

► 100 pelajar dari enam sekolah kebangsaan sertai Program Retreat Weston di Beaufort

UB 1-5-2017 B1

Oleh JOHAN AZIZ

LEBIH 100 orang terdiri daripada pelajar tahun 6 dari enam sekolah rendah sekitar Daerah Beaufort menyertai Program Retreat Weston, baru-baru ini.

Sekolah-sekolah berkenaan ialah SK Weston, SK Lumadan, SK Lingkungan, SK Lubok, SK Maraba dan SK Karangan.

Program itu dianjurkan oleh siswa dan siswi Program Pendidikan dengan Sains (HT16) dan Program Pendidikan dengan Sejarah dan Geografi (HT17), Fakulti Psikologi dan Pendidikan Universiti Malaysia Sabah (UMS).



PERSEMBAHAN tarian tradisional oleh murid SK Weston.

Penyelaras program Prof Madya Dr Khalid Johari berkata program itu adalah serampang dua mata iaitu melibatkan murid dan menggalakkan penglibatan para siswa dan siswi dengan situasi kehidupan murid dan komuniti kampung.

“Selain melibatkan pelajar institusi pengajian tinggi turut sama menjayakan program adalah Jawatankuasa Persatuan Warga Prihatin Sabah (SUEC) yang mana berfokus kepada membantu pembangunan pendidikan khususnya di luar bandar,”



SALAH satu aktiviti Modul Sains.

katanya.

Manakala, Pengarah Program Azizul Adzim Salimin berkata program itu amat sesuai dijalankan bagi mendedahkan pelajar universiti kepada cabaran dan realiti profesion perguruan.

“Di samping dapat mengukuhkan hubungan pelajar dari pelbagai daerah, etnik dan agama untuk

bersama komuniti setempat seterusnya merealisasikan gagasan 1Malaysia, aktiviti seperti ini dapat memotivasikan pelajar untuk menghadapi UPSR akan datang,” katanya.

Katanya sepanjang program itu berlangsung, sebanyak tiga modul dibentangkan oleh fasilitator yang menumpukan subjek Matematik, Sains dan Bahasa



AKTIVITI ‘mathopoly’ (Modul Matematik).



GURU Besar SK Weston Siti Guntuk menyampaikan hamper kepada Alli.

Inggeris. Semua modul dibahagikan kepada tiga siri iaitu *beginner*, *intermediate* dan *advance*.

“Peserta mengikuti modul-modul ini secara berkumpulan dan bergilir di mana sasaran kepada penglibatan secara aktif dan konstruktisme ditekankan dengan menggalakkan peserta bersosial dan berbincang dengan rakan yang lain. Mereka juga dibimbing oleh fasilitator sepanjang aktiviti berlangsung,” katanya.

Program dimeriahkan lagi dengan rekreasi bersama komuniti kampung di

Weston melalui aktiviti sukan sepak takraw, bola tampar serta futsal.

Majlis perasmian penutupan program disempurnakan oleh Penolong Ketua Pegawai Pendidikan Daerah Beaufort Haji Alli Baba.

Alli dalam ucapannya merakamkan penghargaan kepada warga SK Weston, Beaufort yang telah sudi menjadi tuan rumah dalam menjayakan program itu.

Turut hadir, Guru Besar SK Weston Siti Guntuk, Pegawai Yayasan Sabah Latif Taib serta pemimpin masyarakat setempat.



PENYAMPAIAN hadiah kepada pemenang (Modul Bahasa Inggeris).